

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sukacita saya merujuk kepada jawapan Kementerian pada soalan No. 37 bertarikh 20 Oktober 2015 yang telah dibangkitkan oleh Y.B. Sepang. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, Kerajaan telahpun menubuhkan dua (2) pasukan untuk menangani isu-isu KLIA2 iaitu :
- i) Jawatankuasa Bebas Keselamatan KLIA2; dan
 - ii) Pasukan Khas Penilaian KLIA2.

Berhubung Jawatankuasa Bebas Keselamatan KLIA2, ia berperanan untuk mengaudit dan meneliti isu-isu keselamatan terutamanya berhubung mendapan di parkir apron, takungan air di *taxiway* dan *runway* serta retakan di bangunan terminal yang mempunyai implikasi kepada keselamatan di KLIA2. Laporan akhir juga telah dibentangkan kepada Kerajaan pada akhir tahun 2015.

Pasukan Khas Penilaian KLIA2 pula diketuai oleh Jabatan Audit Negara untuk mengaudit projek KLIA2. Ianya turut disertai oleh agensi-agensi Kerajaan yang lain dan proses audit telah dilaksanakan mulai penghujung Oktober 2015. Pada masa ini, Pasukan Khas tersebut masih lagi menjalankan proses pengauditan dan dijangka akan memuktamadkan laporannya pada April 2016.

- (b) Sehingga kini, MAHB telah membelanjakan sebanyak RM94 juta bagi menampung kos kerja-kerja pembaikan kerosakan di KLIA2 dalam usaha menangani masalah mendapan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK SAPAWI BIN AHMAD WASALI
[SIPITANG]**

TARIKH : 22 MAC 2016 (SELASA)

SOALAN : 46

Datuk Sapawi bin Ahmad Wasali [Sipitang] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan langkah yang dilaksanakan bagi membantu meringankan beban pengguna penerbangan domestik di Sabah dan Sarawak, memandangkan caj penerbangan domestik di kedua-dua negeri tersebut dikatakan agak tinggi sekarang berbanding dahulu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa prihatin dalam membantu meringankan beban pengguna penerbangan domestik di Sabah dan Sarawak khususnya.

Penetapan tambang penerbangan domestik oleh syarikat-syarikat penerbangan negara adalah berdasarkan kepada rasionalisasi sektor perkhidmatan udara domestik pada tahun 2006. Dalam hal ini, Kerajaan memutuskan bahawa syarikat-syarikat penerbangan negara yang menyediakan perkhidmatan udara domestik diberikan kebebasan dalam menentukan liputan rangkaian (*network coverage*), kekerapan penerbangan dan kadar tambang yang ingin ditawarkan berdasarkan permintaan pasaran.

Dalam hubungan ini, syarikat-syarikat penerbangan negara akan menetapkan kadar tambang penerbangannya dengan mengambil kira faktor-faktor di atas, keadaan ekonomi serta faktor-faktor lain seperti harga bahan api dan kos operasi. Sehingga kini, harga yang ditawarkan oleh syarikat-syarikat penerbangan adalah harga yang kompetitif.

Walau bagaimanapun, rasionalisasi ini tidak terpakai kepada syarikat penerbangan MASwings Sdn. Bhd. (MASwings) kerana syarikat tersebut terikat kepada Perjanjian Perkhidmatan Udara Luar Bandar (*Rural Air Services – RAS*) dan dasar Kerajaan berikutan pemberian subsidi dalam melaksanakan RAS. Oleh yang demikian, kadar

tambang yang dikenakan oleh syarikat MASwings ke kawasan luar bandar di Sabah dan Sarawak adalah berdasarkan siling yang telah ditetapkan oleh Kerajaan.

Dalam pada itu, sebagai langkah penambahbaikan kepada perkhidmatan yang disediakan oleh MASwings, Kerajaan sedang melaksanakan rasionalisasi ke atas Perkhidmatan Udara Luar Bandar secara menyeluruh termasuk penetapan kadar tambang bagi perkhidmatan tersebut. Rasionalisasi tersebut dijangka akan selesai pada penghujung tahun 2017.

Selain daripada itu, sepertimana yang telah diumumkan semasa pembentangan bajet 2016 pada 23 Oktober 2015, Kerajaan juga telah bersetuju supaya perkhidmatan pengangkutan penumpang udara domestik kelas ekonomi bagi laluan RAS di Sabah, Sarawak dan Labuan dikecualikan daripada bayaran GST.